

Pelajar USIM sertai seminar keldai dadah

NILAI: "Kini saya berasa yakin selepas mengikuti seminar berkaitan keldai dadah dan gangguan seksual kerana ia akan membantu saya supaya lebih berhati-hati dalam kehidupan," kata pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nur Hidayah Md Esa.

Nur Hidayah, 20, pelajar tahun pertama jurusan Bahasa Arab Komunikasi antara 120 peserta yang mengikuti Seminar Manifestasi Cinta yang diadakan selama sehari anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan kerjasama USIM.

Katanya, seminar berkenaan memberinya banyak maklumat mengenai apa sebenarnya keldai dadah dan kesan menjadi mangsa kegiatan itu serta mengenai gangguan seksual yang kadang kala tidak disedari mangsa.

"Saya mengakui kurang membaca akhbar dan menonton berita yang memaparkan mengenai isu seperti ini kerana masa lebih banyak diberikan kepada pembelajaran.

"Tetapi dengan adanya seminar seperti ini yang menerangkan mengenai implikasi menjadi keldai dadah dan menjadi mangsa gangguan seksual menyebabkan saya akan lebih berhati-hati terutama selepas berjumpa kenalan baru," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah JPW, Wan Hasmah Wan Mohamad, berkata program itu antara langkah terbaik untuk mendekati golongan belia terutama wanita supaya tidak mudah diperalatkan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Katanya, pihaknya menerima banyak aduan mengenai gejala sosial itu dan atas dasar keprihatinan, pihaknya mengambil inisiatif menangani isu yang semakin berleluasa itu.

"Kita sering mendengar laporan mengenai penganiayaan wanita terutama golongan muda yang sering dijadikan mangsa keldai dadah dan gangguan seksual menggunakan pelbagai jenis modus operandi.

"Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab JPW membantu golongan berkenaan dengan mengadakan pelbagai program kesedaran terutama membabitkan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) supaya mereka tidak mudah terpedaya," katanya.

FAKTA NOMBOR

120

peserta

Menyertai Seminar
Manifestasi Cinta